

Warta **102** Konvo

Edisi 17 September 2025

**SAINS MAKLUMAT
PERANGI JENAYAH SIBER**

**UiTM KOMITED
MEMPERKUKUH KUALITI
PENGAJARAN, PENYELIDIKAN
DAN INOVASI**

**CEMERLANG TAKRAW, CEMERLANG AKADEMIK:
IMPIAN TEKONG SELANGOR PISTONS, ZUHRI ZIN**

UiTM KOMITED MEMPERKUKUH KUALITI PENGAJARAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI



oleh : Ezureen Natasya Kahar Jaafar

Pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-102, Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, menzahirkan ucapan tahniah kepada lebih 1,600 graduan UiTM Cawangan Johor daripada pelbagai fakulti, termasuk Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Kejuruteraan serta Akademi Pengajian Bahasa.

Menurut beliau, UiTM terus membuktikan komitmennya dalam memperkukuh kualiti pengajaran, penyelidikan dan inovasi. Malah, UiTM juga aktif dalam membina rangkaian kerjasama strategik dengan organisasi dalam dan luar negara

yang mana dapat memperluaskan jaringan kerjasama global sebagai langkah untuk melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing dan diyakini industri.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah memperkasakan usaha sama serantau dengan Indonesia Banking School dan Universitas Lancang Kuning di Indonesia dan memperkukuhkan hubungan dengan Federal University Dutse di Nigeria dan Chang Jung Christian University di Taiwan.

“Jalinan ini membuka ruang yang luas kepada pelajar untuk terlibat dalam agenda berimpak tinggi, seperti mobiliti antarabangsa, aktiviti keusahawanan, dan program kemasyarakatan. Pendedahan ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman, malah

memperkukuh kefahaman tentang kehendak global, khususnya tuntutan industri,” katanya.

Beliau turut menekankan usaha UiTM dalam menyediakan platform terbaik kepada mahasiswa untuk mengasah kemahiran keusahawanan dan khidmat masyarakat.

“Melalui program *Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM)*, pelbagai inisiatif bersama institusi tempatan, khususnya di Johor telah berjaya meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa melalui aktiviti kesukarelawanan,” ujarnya.

Menurut beliau lagi, usaha sebegini diyakini mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu, malah memiliki daya

saing tinggi serta kebolehpasaran yang mantap di peringkat antarabangsa.

Beliau juga mengingatkan bahawa kejayaan yang diraiikan hari ini hanyalah titik permulaan untuk membuktikan kompetensi diri.

“Kita maklum bahawa landskap ekonomi global kini semakin mencabar. Justeru, persiapkanlah diri untuk menjadi insan berilmu, berintegriti dan berdaya saing. Ingatlah, ilmu tanpa adab ibarat pohon tanpa buah. Teruskan menimba ilmu, amalkan dengan ikhlas, dan sebarkan manfaat kepada masyarakat. Jadilah alumni yang membanggakan, kerana perjuangan kita demi agama, bangsa dan negara masih belum selesai.” pesan beliau mengakhiri ucapannya.



Naib Canselor UiTM

Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin

SAINS MAKLUMAT BUKAN SEKADAR PUSTAKAWAN



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Fakulti Sains Maklumat adalah satu bidang meluas yang mampu masuk ke mana-mana bidang di dalam dunia pekerjaan hari ini.

Sesetengah masyarakat mensalahertikan seolah-olah bidang Sains Maklumat ini terbatas pada perpustakaan dan rekod sahaja, hakikatnya bidang ini meluas dan menjadi nadi penting dalam era digital masa kini.

Sama seperti yang ditegaskan oleh Dekan Fakulti Sains Maklumat, Profesor Madya Dr Norhayati Hussin, bidang ini melahirkan graduan yang serba boleh, bukan sekadar pustakawan.

Mereka adalah individu terlatih yang mampu menganalisis, mengurus, dan menyalurkan

maklumat secara efektif merentasi pelbagai industri.

Kini, tiba masanya untuk kita menepis stigma lama dan merangkul potensi sebenar yang ditawarkan oleh bidang yang unik dan relevan ini.

Fakulti Sains Maklumat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu-satunya fakulti yang *stand-alone* di Malaysia khusus pada jurusan ini jika dibandingkan dengan universiti lain.

“Pada universiti yang lain, mereka hanya punyai jabatan di bawah kolej atau pusat pengajian lain, fakulti kita juga merupakan ahli konsortium i-Schools, sebuah organisasi yang mengkhususkan diri dalam bidang sains maklumat. Ini buktikan pengiktirafan terhadap fakulti kita sejak dari tahun 2018 lagi,” ujarnya.

Prof Madya Dr Norhayati menekankan, untuk mengubah persepsi minda sempit yang sering mengaitkan Sains Maklumat dengan kerjaya sebagai pustakawan.

“Graduan Sains Maklumat ini makin besar skop pekerjaannya, seiring dengan revolusi digital masa kini. Graduan kita lebih menjadi kepada pakar maklumat (*information specialist*) yang kerjanya bukan sekadar menyusun buku, tetapi menganalisis, mengurus, dan menyebarkan data secara efektif. Mereka adalah tenaga pakar yang amat diperlukan dalam pelbagai sektor, dari sumber manusia, kewangan, kejuruteraan, sehinggalah perubatan”.



Dekan Fakulti Sains Maklumat
Profesor Madya Dr Norhayati Hussin

Profesor Madya Dr. Norhayati Hussin menggalakkan graduan untuk berani mencuba dan berfikir di luar kotak.

Beliau menasihati agar graduan perlu menggunakan kemahiran pengurusan maklumat yang unik dan menggabungkannya dengan kelebihan diri yang lain, seperti kemahiran komunikasi.

Kemahiran mengurus maklumat adalah aset yang tidak ternilai dalam pelbagai bidang seperti perhubungan awam, kewangan, atau sumber manusia. Ini membolehkan graduan menjadi penyumbang penting di mana-mana jabatan.



MEMORI INDAH YANG TERPAHAT BUAT TNC DAN ISTERI



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Istiadat Konvokesyen Ke-102 Universiti Teknologi MARA (UiTM) hari ini menjadi satu kenangan manis yang tidak dapat dilupakan buat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Komuniti & Alumni) UiTM, Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah berkongsi rasa gembira dan bangga melihat isterinya, Dewi Muzalifah Zainal, menerima Sarjana Sains (Pengurusan Perniagaan).

Dewi Muzalifah menyatakan beliau sangat gembira dengan kejayaan berjaya menamatkan pengajiannya.

Namun, beliau juga mengakui cabaran yang dihadapi, kerana dalam masa sama merupakan seorang isteri dan ibu kepada anak-anak yang kecil, beliau tahu bagaimana cara yang betul untuk menyeimbangkannya.

“Pengurusan masa, saya memang jaga dengan penuh teliti dan mengutamakan perkara-perkara yang penting dahulu, misalnya kalau anak tengah tidur atau bermain, masa itulah saya gunakan untuk belajar dan buat tugasan,” jelasnya.

Prof Dr. Jamalunlaili Abdullah turut menegaskan beliau memberikan sokongan yang padu kepada perjalanan akademik isterinya.

Beliau menegaskan bahawa mereka ingin menjadi contoh ikutan (*role model*) kepada anak-anak mereka, di samping menggalakkan isterinya meneruskan



Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah bersama isterinya, Dewi Muzalifah Zainal.

pengajian akademiknya.

“Kami mahu menjadi *role model* yang baik buat anak-anak kami melalui contoh kejayaan akademik, saya juga galakkan untuk menyambung pelajarannya ke peringkat PhD pula,”ujarnya.

Prof. Jamalunlaili juga berkongsi pendekatan yang diambilnya ketika isterinya berhadapan dengan tekanan akademik atau merasa tersekat (*stuck*) dalam penyelidikan.

Beliau akan menggalakkan isterinya untuk menghubungi penyelia dan mencari cara untuk menyelesaikan masalah.

Beliau juga menyarankan agar isterinya menelaah tesis-tesis pelajar terdahulu sebagai rujukan sambil berpegang kepada prinsip yang dipegang teguh olehnya iaitu “Jangan berputus asa (*give up*) tapi teruskan (*keep moving*)”.

Di akhir temu bual, pasangan ini berikan pesanan yang cukup bermakna kepada pasangan lain di luar sana, untuk berikan galakkan dan sokongan kepada pasangan masing-masing yang berminat untuk melanjutkan pelajaran.

SAINS MAKLUMAT PERANGI JENAYAH SIBER



Amir Braim Rizal Braim



oleh : Amni Harith Badrul Nisyam

Di era perkembangan pesat teknologi digital ini, dapat dilihat isu-isu jenayah siber yang saban hari berleluasa dan menjadi satu topik perbualan yang hangat. Ia menjadikannya satu isu yang harus dipandang serius.

Itulah yang dititikberatkan oleh Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat, Amir Braim Rizal Braim, yang berkongsi kisahnya di dalam pengajian Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan bagaimana minatnya terhadap dunia siber sejak dari kecil, membawa kepada kerjayanya sebagai *Fraud Analyst* hari ini.

Beliau yang menerima anugerah Ijazah sempena Majlis Konvokesyen UiTM ke-102 meluahkan rasa

syukur atas pencapaiannya itu. Meskipun pada awalnya beliau tidak pernah menyangka untuk menceburi bidang sains maklumat, minatnya terhadap komputer sejak kecil, termasuk belajar HTML dan *coding* seawal usia, menjadi landasan utama.

“Awalnya, bukanlah Impian saya untuk ceburi bidang ini, tapi saya gembira bila saya dapat buat apa yang saya mampu buat. Setiap perkara yang kita mungkin tak minat, akan menjadi sesuatu yang paling kita minati dan siapa sangka akan jadi salah satu kejayaan kalau kita bekerja keras,” ujarnya.

Beliau turut berkongsi tentang minatnya terhadap jenayah siber, penggodaman dan virus yang semakin memuncak semenjak pengajian ijazah. Ini adalah salah satu yang membawa kepada kerjayanya sebagai *Fraud Analyst*.

“Saya tak sangka, bidang sains maklumat ini skopnya sangat besar, dengan menjadi *Fraud Analyst*, saya dapat lihat mengenai kewujudan jenayah siber itu dengan mata saya sendiri,” kongsiinya.

Beliau juga menekankan bahawa jenayah siber tidak mengenal mangsa, sama ada umur atau jawatan. Beliau berkongsi pengalaman CEO di syarikatnya yang kerugian puluhan ribu ringgit akibat ditipu. Berdasarkan pengalamannya, Amir mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada.

Amir mengingatkan kepada graduan dan mahasiswa UiTM yang lain supaya sentiasa untuk lakukan apa yang anda cintai, kerana rezeki ada di mana-mana, dan ilmu yang dipelajari boleh diaplikasikan secara meluas di mana jua.



KEBOLEHPASARAN GRADUAN KEJURUTERAAN: REALITI DI SEBALIK STATISTIK



oleh : Aidil Adha Abdullah

Isu kebolehpasaran graduan sering menjadi topik hangat, khususnya dalam bidang kejuruteraan.

Media melaporkan peluang pekerjaan semakin terhad, namun pengalaman Andi Farislee, graduan kelas pertama Kejuruteraan Mekanikal UiTM yang kini bekerja sebagai *Technical Sales Engineer* di sebuah syarikat multinasional memberikan perspektif berbeza.

Bagi Andi, majoriti rakannya yang turut bergraduasi bersamanya sudah berjaya menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Walaupun tidak semua berpuas hati dengan kerjaya pertama mereka, hal itu dilihat sebagai satu fasa normal untuk mendapatkan pengalaman awal sebelum beralih kepada pekerjaan yang lebih sesuai.

Realiti ini menggambarkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan kejuruteraan masih baik, namun kepuasan kerjaya menjadi cabaran utama.

Selain itu, dari segi persaingan graduan TVET, Andi berpendapat bahawa ia tidak seharusnya dianggap sebagai ancaman yang membawa kepada naratif tidak baik.

Sebaliknya, graduan kejuruteraan perlu melihatnya sebagai persaingan sihat yang

wujud dalam mana-mana bidang.

“Sebenarnya, mendapatkan kerja tidaklah sesukar yang sering digambarkan media,” katanya, sambil menegaskan bahawa asas akademik yang kukuh masih memberikan kelebihan.

Dari segi ganjaran, graduan ijazah masih menikmati kedudukan lebih baik. Gaji permulaan yang ditawarkan adalah pada tahap yang kompetitif, sesuai dengan status akademik mereka.


Hal ini sekali gus menolak persepsi bahawa graduan kejuruteraan sukar memperoleh pulangan setimpal dengan usaha pengajian.

Dalam konteks teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), Andi melihatnya sebagai alat bantu, bukannya pengganti. Kerjaya dalam bidang mekanikal tetap memerlukan tenaga manusia, walaupun AI mampu meningkatkan keberkesanan dan produktiviti kerja.

Akhirnya, beliau menitipkan harapan agar UiTM terus melahirkan jurutera berkaliber yang bukan sahaja memenuhi keperluan industri, malah mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Andi Farislee

CEMERLANG TAKRAW, CEMERLANG AKADEMIK: IMPIAN TEKONG SELANGOR PISTONS, ZUHRI ZIN



Zuhri Muhammad Zin



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Di sebalik kejayaan cemerlang di dalam pasukan Sepak Takraw bersama pasukan kebangsaan hingga mendapat pingat perak bagi saingan Sukan Sea Hanoi 2022, ada sebuah kisah pengorbanan dan disiplin yang tidak diceritakan kepada umum. Inilah yang dilalui oleh Zuhri Muhammad Zin, tekong pasukan sepak takraw Selangor Pistons yang membuktikan bahawa seorang atlet itu bukan sahaja boleh cemerlang di lapangan, malah di turut cemerlang di dalam kelas.

Zuhri melakar sejarah peribadinya yang tersendiri apabila menerima Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan kelas pertama pada Istiadat Konvokesyen ke-102 Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

Bagi Zuhri, perjalanan dalam menuntut ilmu ini memerlukan pengorbanan masa yang besar. Beliau menegaskan disiplin diri menjadi kunci utama dalam kehidupannya, di samping mengutamakan tugas akademik terlebih dahulu sebelum pergi ke latihan takraw.

“Bagi saya, apa pun yang terjadi sekalipun, saya akan mengutamakan akademik saya dahulu, selagi mana saya tak siapkan *assignment* saya, selagi itu saya takkan buat benda lain”, ujarnya.

Zuhri yang baru sahaja menamatkan saingan GP Penang CelcomDigi STL 2025 di tempat ketiga bersama Selangor Pistons berkata keputusannya menceburi bidang sukan dan akademik ini adalah salah satu impian terbesar beliau.

“Saya ada impian untuk menjadi atlet sepak takraw pertama yang boleh mewakili negara dan dalam masa sama ada sijil pelajaran yang baik, Itulah impian terbesar saya, jadi saya sahut cabaran itu walaupun saya atlet takraw sepenuh masa, saya juga boleh cemerlang dalam bidang akademik”, katanya ketika ditemu bual.

Zuhri menegaskan pentingnya pelajaran dalam kehidupan seorang atlet.

Beliau turut mengingatkan atlet-atlet muda supaya menjadikan pelajaran itu nombor satu dan tidak berputus asa. Dengan semangat ini, Zuhri kini sedang membuat persiapan rapi untuk pemilihan Sukan SEA yang akan datang, dengan harapan dapat mewakili negara sekali lagi dan meneruskan impiannya sebagai atlet dan seorang graduan cemerlang.





**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UTM*